



## CaRE – UPM Tawar Khidmat Sokongan Kepada Pesakit Kanser



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Y.B. Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil merasmikan plak perasmian Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) sambil disaksikan Presiden Persatuan KanWork, Prof. Dr. Mazanah Muhamad (kiri), Pengarah Institut Pengajian Sains Sosial, Prof. Dr. Md Salleh Hj Hassan (dua dari kiri), Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (tiga dari kiri) dan Pengarah UPM-Cornell Universiti Cancer Education Project, Prof. Dr. Rosemary Cafarella (kanan sekali)

**SERDANG, 8 Julai** – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Senator Dato' Sri Shahrizat Abd. Jalil hari ini merasmikan Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CaRE) atau Cancer Resources & Education Cancer (CaRE) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang terletak di Fakulti Perubatan dan Sains Kesehatan (FSPK) UPM.

Beliau juga turut melancarkan bahan penerbitan pusat itu setelah melawat pejabat CaRE yang terletak di tingkat 7, Makmal Blok A, FSPK dan dibangunkan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM), Cornell University, KanWork dan rakan kongsi yang lain.

Terdapat 11 judul penerbitan hasil kajian penyelidikan dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan kanser telah dilancarkan oleh pihak IPSAS, iaitu sembilan judul mengenai pendidikan kanser merangkumi tajuk rawatan, pemakaian dan penjagaan.

Dato' Sri Shahrizat berharap agar UPM memberi sokongan padu inisiatif penyelidikan kanser yang dipelopori oleh CaRE terutamanya dengan peningkatan kanser pada kaum wanita.

"Kementerian telah meluluskan peruntukan program untuk membantu penghidap kanser dan ahli keluarga mereka " katanya yang turut memperkenalkan persatuan pesakit kanser iaitu KanWork.



Beliau juga mengumumkan kementeriannya memberi peruntukan RM60 ribu untuk membantu pesakit kanser kepada Persatuan Kanwork yang diketuai oleh presidennya Prof. Dr. Mazanah Muhamad , merangkapi Pengarah Bersekutu UPM – Cornell University Cancer Education Project .

Prof. Dr. Mazanah berkata CaRE berpotensi menjadi pusat rujukan nasional dalam bidang pendidikan dan perkhidmatan kanser bagi seluruh masyarakat yang diuruskan oleh Laboratori Pendidikan & Kanser (CaEd Lab) Institut Pengajian Sains Sosial (IPSS) UPM, selain berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat tentang penyakit kanser dan membantu pesakit kanser.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata Institut Penyelidikan Sains Sosial, UPM telah menyediakan pelbagai jenis maklumat penyelidikan tentang kanser dalam versi bahasa Melayu termasuk bimbingan membuat keputusan untuk menentukan rawatan, penjagaan dan aspek kesihatan.

Usaha UPM menubuhkan CaRE pada dasarnya merupakan usaha sama antara UPM dengan Cornell University dalam projek "Cancer Education and Research" (CaEd).

Penubuhan CaRE ini berperanan penting dalam usaha memanjangkan hasil penyelidikan tentang kanser kepada klien atau golongan sasar selaras dengan aspirasi CaEd untuk mewujudkan sebuah pusat rujukan nasional yang terunggul dalam bidang pendidikan dan sokongan kanser demi mempertingkatkan kesedaran masyarakat.

Beliau turut melahirkan kepercayaan bahawa CaRE amat berpotensi menjadi pusat rujukan nasional bagi seluruh masyarakat tanpa mengira peringkat golongan; iaitu pesakit, survivor dan keluarga mereka; pelajar dan penyelidik; profesional kesihatan seperti doktor dan jururawat; dan orang awam.

Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha turut mengalui-aluan sumbangan dan sokongan berterusan dari segi sumber kewangan, kapakaran, prasaraan dan seumpamanya dari badan korporat, organisasi kerajaan dan NGO.

Antara penyumbang utama CaRE yang dihargai pada majlis itu ialah The Boeing Company, ExxonMobil Malaysia Corporation, Kamaruzzaman & Associate (E- Media), Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), Spansion (KL) Sdn. Bhd, Universiti Cornell, Majlis Kanser Nasional (MAKNA), BAKTI, PERODUA, dan OMNI Group of Companies.

Walaupun pusat itu ditubuhkan sebagai satu pusat penyediaan maklumat, pendidikan dan sokongan kanser, CaRE memberikan kesedaran awal melalui pelbagai program dan sokongan yang disediakan sepanjang tahun kerana sistem pangkalan datanya memberikan maklumat kepada komuniti tentang perkhidmatan kanser setempat seperti bahan pendidikan kanser, bilik sumber rujukan kanser, program rakan sebab oleh KanWork, program pendidikan kanser, program kaunseling yang dilaksanakan oleh professional kaunselor, maklumat kanser secara online, direktori sumber kanser dan perkhidmatan KanHelp line oleh jururawat terlatih.

CaRE adalah pusat dimana Cancer Information, Education & Support (CIES) berfungsi

sebagai satu program yang memberikan maklumat dan sokongan terhadap mereka yang terlibat dengan kanser dan menawarkan 6 major perkhidmatan iaitu Kan Info, KanDidik, KanSupport, KanHelp Line dan Portal/Website yang boleh dilayari melalui <http://www.cancereducation.org.my/>

Dengan adanya pusat rujukan ini, ia memudahkan masyarakat mendapat maklumat dan pengetahuan tentang kanser seperti cara rawatan, perubatan dan perjagaan semasa dan selepas rawatan.

CaRE juga menyediakan khidmat nasihat untuk para pesakit kanser, pasangan dan ahli keluarga serta menyediakan peluang untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang penyakit kanser dan cara-cara menghadapinya.

Sebagai pusat rujukan pendidikan dan perkhidmatan kanser, CaRE telah menyediakan bahan-bahan rujukan dan bahan-bahan pembelajaran berkaitan dengan kanser untuk rujukan masyarakat.

Maklumat terperinci tentang perkhidmatan yang disediakan boleh didapati menerusi laman web <http://www.ipasas.upm.edu.my/caed/> atau maklumat pendidikan dan perkhidmatan kanser di <http://www.cancereducation.org.my> dan KanWork di <http://www.ipasas.upm.edu.my/kanwork/>. KanHelp Line menerusi talian +603 89472706 bersedia menjawab pertanyaan tentang perkhidmatan yang disediakan oleh CaRE kepada masyarakat.



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Y.B. Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil sedang melawat pesakit kanser

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia